



**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BAZAR RAMADHAN TAHUN 1444H / 2023M**

<b>Tarikh Permohonan</b>	<b>16 SYAABAN 1444H / 09 MAC 2023M HINGGA 23 RAMADHAN 1444H / 14 APRIL 2023M</b>
--------------------------	--

**SYARAT-SYARAT**

- ✓ Sila isikan borang ini dengan lengkap dan jelas (**HURUF BESAR**)
- ✓ Syarat-syarat seperti di **Lampiran A**
- ✓ Bayaran proses wang tunai RM20.00 hendaklah dikemukakan bersama-sama borang permohonan.
- ✓ **Bayaran Pengurusan Bazar Ramadhan dan patil berjumlah RM105.00 Sahaja.**

**SILA  
KEMUKAKAN 2  
KEPING  
GAMBAR  
PEMOHON &  
PEMBANTU**

**Sila tandakan** ✓ **di kotak berkaitan**

1.	Jenis Perniagaan :	Makanan/Minuman <input type="checkbox"/> <i>Nyatakan Jenis :-</i> .....	Bukan Makanan <input type="checkbox"/> <i>Nyatakan Jenis :-</i> .....
2.	Tempoh Perniagaan :	.....	
3.	Lokasi perniagaan yang dipilih :	Rujuk jadual disebelah	
4.	Nama Pemohon :	No. K/P :	
	Alamat Pemohon :	No. Tel :	
5.	Nama Pembantu :	No. K/P :	
	Alamat Pembantu :	No. Tel :	

Dengan ini saya \_\_\_\_\_ No\_k/p\_\_\_\_\_ berjanji bahawa saya akan menguruskan perniagaan seperti tersebut dengan sendiri dan saya tidak akan meminjam, menyewa atau memajakkan permit yang akan diluluskan khususnya untuk saya kepada orang lain. Saya juga faham syarat-syarat di **Lampiran A**, sekiranya saya melanggar apa-apa yang tercatat di dalam permit tersebut, permit itu akan ditarik balik dan dibatalkan oleh pihak Majlis tanpa apa-apa amaran dan alasan.

Tarikh : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ Tandatangan

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

<b>PERINGATAN :-</b>  Tuan / Puan tidak dibenarkan berniaga sebelum permit sementara bazar ramadhan dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Seremban	Diterima Oleh :	
	No.Bil :	
	Tarikh @ masa :	

**6. LOKASI PREMIS/KAWASAN/TAPAK PERNIAGAAN ( SILA TANDAKAN / )**

**a) BAZAR AIDILFITRI**

1.	Dataran Senawang 1		6.	Kakilima KM Plaza	
2.	Dataran Senawang 2		7.	Jalan Mahawangsa, Bandar Enstek ,Nilai	
3.	Dataran Senawang 3		8.	Uptown Nilai Square, Nilai	
4.	Bandar Prima Senawang 1 (Jalan Melor 8)		9.	Gembox Nilai	
5.	Tapak Letak Kereta Flat Uda		10.	Sentral Bazar Nilai 3	

**b) BAZAR JUADAH**

1.	Stadium Paroi		23.	Tapak Desa Dahlia	
2.	Taman Desa Rhu		24.	Pekan Senawang Jaya	
3.	Taman Sri Pulai 3		25.	Medan Perniagaan Senawang Jaya	
4.	Taman Dusun Nyior		26.	Taman Widuri Indah	
5.	Taman Seri Pandan		27.	Tempat Letak Kereta Mydin Senawang	
7.	One Avenue, Seremban 2		28.	Tempat Letak Kereta Hadapan Kedai Tmn. Matahari Height	
8.	Taman Ampangan		29.	Taman Senawang Perdana	
9.	Persiaran Seremban 2 (Tapak Pasar Malam)		30.	Taman Tuanku Jaafar	
10.	Terminal One Shopping Centre		31.	Pasar Awam Taman Seremban Jaya	
11.	Tapak Bersebelahan Klinik Kesihatan Seremban		32.	Taman Pinggiran Senawang (Berhadapan Lot Kedai)	
12.	Tempat Letak Kereta Persendirian Ampangan (Bersebelahan UTC)		33.	Bandar Seremban Selatan Lorong BSS 1/2A (Berhadapan Lot Kedai)	
13.	Jalan BBN 1/2, Putra Point, Nilai (berhampiran McDonald Putra Nilai)		34.	Persiaran Metro Sendayan, Bandar Sri Sendayan	
14.	Jalan BBN 1/7, Putra Point, Nilai (Berhampiran Masjid Dato` Klana Petra, Putra Nilai)		35.	Medan Nusari, Bandar Sri Sendayan (Berhadapan Lot Kedai)	
15.	Tapak Pasar Malam Cempakapuri, Nilai		36.	Taman Bunga Raya Mantin (Tapak Pasar Malam Mantin)	
16.	Tapak Pasar Malam Taman Semarak		37.	Depan Pasaraya Lotus, Nilai	
17.	Jalan Mahawangsa, Bandar Enstek Nilai		38.	Kawasan Pasar Borong Nilai 3, Nilai	
18.	Taman Gadong Jaya, Labu		39.	Tiara Sendayan	
19.	Sentral Bazar Nilai 3		40.	Merchant Square , Sendayan	
20.	Gembox Nilai		41.	Kuarters KLIA Kelompok 10	
21.	Bandar Tasik Senangin		42.	Pusat Perniagaan Nilai 3	
22.	Pusat Perniagaan Anika Bandar Ainsdale		43.	Lain-lain Nyatakan : ..... (Sila lakarkan pelan lokasi tapak niaga)	

PELAN LOKASI  
TAPAK  
(Untuk lain-lain lokasi sahaja)

7.	Pengesahan Dari Penganjur :	
	Dengan ini disahkan Encik / Puan / Cik .....No. k/p .....	
	Telah disemak dan disokong untuk permohonan permit bazar ramadhan Majlis Bandaraya Seremban dan ditempatkan di No Petak _____ daripada berapa petak _____ yang ditetapkan.	
_____ Tarikh		_____ Tandatangan & Cop
<b>UNTUK KEGUNAAN PEJABATSAHAJA</b>		
Permohonan ini <b>DILULUSKAN / DI TOLAK</b>		
_____ Tarikh		_____ Tandatangan b.p Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban

1. Syarat dan kelayakan pemohon:
  - 1.1 Pemohon adalah warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh tutup permohonan.
  - 1.2 Tinggal dan bermastautin di Negeri Sembilan.
  - 1.3 Mendapatkan pengesahan kekosongan petak bagi tapak yang diuruskan oleh penganjur / surat kebenaran penyewaan.
  - 1.4 Tidak mempunyai rekod tunggakan cukai taksiran, kompaun dan lain-lain bayaran dengan MBS (melempi saringan sistem i-sekat).
  - 1.5 Hanya pemohon atau penganjur dibenarkan mengemukakan permohonan (Wakil lain tidak dibenarkan).
  - 1.6 Daftar Pemilih / Pengundi di Negeri Sembilan.
  - 1.7 Pemohon hendaklah mempunyai Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Kad/Surat Pengesahan Suntikan Anti Thypoid yang sah bagi peniaga makanan dan minuman.
  - 1.8 Setiap pemohon dibenarkan mengemukakan 1 permohonan dengan 1 petak sahaja.
  - 1.9 Tidak dibenarkan menukar jenis jualan selepas permit sementara dikeluarkan.
  - 1.10 Borang permohonan Permit Bazar Ramadhan Tahun 1444H/2023M boleh didapati secara percuma di kaunter Jab. Pembersihan Dan Kesihatan Persekitaran, MBS, Majlis Bandaraya Seremban, Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban – Tampin, 70450 Seremban, Negeri Sembilan atau **Pejabat Cawangan Nilai**, 1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan, Persiaran Pusat Bandar, 71800, Putra Nilai, Negeri Sembilan (Kaunter No. 10) atau muat turun dari laman sesawang Majlis Bandaraya Seremban [www.mbs.gov.my](http://www.mbs.gov.my).
2. Syarat dan kelayakan pembantu :
  - 2.1 Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh tutup permohonan.
  - 2.2 Mempunyai Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Kad/Surat Pengesahan Suntikan Anti Thypoid yang sah bagi peniaga makanan dan minuman.
3. Dokumen yang perlu dibawa oleh pemohon dan pembantu semasa kemuka permohonan :-
  - 3.1 Kad pengenalan asal dan salinan.
  - 3.2 Salinan lesen premis perniagaan atau lesen penjaja Majlis Bandaraya Seremban (Sekiranya ada) – Pemohon sahaja
  - 3.3 Salinan Pendaftaran Syarikat (SSM). – Pemohon sahaja
  - 3.4 Salinan pengesahan Daftar Pemilih (Rekod Suruhanjaya Pilihan Raya).
  - 3.5 2 keping gambar berwarna terbaru pemohon (ukuran pasport)
  - 3.6 Salinan Sijil Tamat Kursus Pengendalian Makanan dan kad/surat Anti Typhoid yang masih sah bagi pemohon makanan/minuman sahaja.
  - 3.7 Borang permohonan yang telah lengkap diisi.
4. Syarat-syarat perniagaan di bazar Ramadhan kawasan Majlis Bandaraya Seremban :
  - 4.1 Setiap peniaga bazar ramadhan perlu mempunyai Permit Sementara daripada MBS dan Permit Sementara tersebut hendaklah dipamerkan sepanjang masa perniagaan.
  - 4.2 Menjalankan perniagaan di tapak dengan saiz petak yang ditetapkan sahaja.

- 4.3 Sebarang sambungan khemah hendaklah mendapatkan kelulusan daripada MBS dan akan dikenakan bayaran tambahan.
- 4.4 Peniaga atau pembantu warga asing adalah tidak dibenarkan. Tindakan tegas akan diambil sekiranya didapati terdapat peniaga atau pembantu warga asing di tapak.**
- 4.5 Semua pengendali makanan perlu mendapat suntikan anti Typoid dan perlu menghadiri kursus pengendali makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 4.6 Semua pengendali makanan perlu berpakaian bersih, memakai apron, penutup kepala dan kasut sewaktu menjalankan perniagaan.
- 4.7 Perlu membersihkan tapak perniagaan dan sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan diikat setelah selesai menjalankan perniagaan dan dibuang di tempat yang disediakan oleh penganjur.
- 4.8 Waktu perniagaan yang dibenarkan adalah bermula dari jam 3.30 petang untuk bazar juadah / jualan makanan iftar dan 10.00 pagi hingga 12.00 malam untuk bazar keperluan hari raya (mengikut kesesuaian lokasi).
- 4.9 Waktu perniagaan yang dibenarkan bagi bazar Aidilfitri di atas tanah kerajaan hanya dibenarkan beroperasi bermula dari jam 6.00 petang hingga 12.00 malam. Sebarang lanjutan tempoh hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis daripada MBS.
- 4.10 Pelesen dikehendaki menghadirkan diri setiap masa perniagaan dijalankan.**
- 4.11 Makanan dan minuman yang dipamerkan untuk jualan hendaklah ditutup sepanjang perniagaan bagi mengelakkan pencemaran.
- 4.12 Perlu pameran harga jualan makanan/minuman sepanjang perniagaan dijalankan.
- 4.13 Tidak dibenarkan menjual barangan tiruan atau cetak rompak.
- 4.14 Penjualan bunga api adalah tidak dibenarkan tanpa kelulusan Majlis.
- 4.15 Perlu mematuhi arahan Majlis Bandaraya Seremban, Jabatan Kesihatan Daerah, MKN, KPNDHEP, Polis dan lain-lain agensi dari semasa ke semasa.

## 5. **Cara memohon :**

- 5.1 Melengkapkan borang permohonan. Borang permohonan boleh didapati secara percumadi kaunter :
- i. Jab. Pembersihan Dan Kesihatan Persekitaran, MBS, Majlis Bandaraya Seremban, Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban – Tampin, 70450 Seremban, Negeri Sembilan
  - ii. Pejabat Cawangan Nilai, 1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan, Persiaran Pusat Bandar, 71800, Putra Nilai, Negeri Sembilan (Kaunter No. 10)
- Atau
- iii. Muat turun dari laman sesawang Majlis Bandaraya Seremban [www.mbs.gov.my](http://www.mbs.gov.my) dan **dicetak menggunakan kertas berwarna merah jambu (pink).**
- 5.2 Borang Permohonan hendaklah ditandatangani / disahkan dan disertakan dengan semua dokumen yang dikehendaki seperti syarat-syarat permohonan dan dihantar ke alamat seperti para (i) atau (ii) di atas **sebelum tarikh tutup permohonan.**
- 5.3 **BORANG PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP DIISI / TIDAK MEMENUHI SYARAT AKAN DITOLAK.**

